



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA BIL 1/2024

---

**KUALA LUMPUR, 29 Februari** – Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bil 1/2024 telah dipengerusikan oleh **YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri**. Mesyuarat turut disertai oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara serta barisan ahli Majlis seramai 12 orang yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat.

Dalam mesyuarat ini, ahli MPPN menjunjung kasih dan menyokong penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) agar perpaduan dalam kalangan masyarakat dipertingkatkan bagi memastikan rakyat Malaysia dapat hidup kekal harmoni.

MPPN pada kali ini antara lainnya telah meluluskan cadangan Pemerksaan Agenda Perpaduan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang menyentuh mengenai inisiatif mengenai **pemerksaan Rukun Tetangga (RT) Progresif, penghayatan Rukun Negara dan mengangkas Mediator Komuniti**.

Fasa pertama inisiatif pemerksaan RT Progresif akan dilaksanakan bermula tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM20 juta seperti disediakan melalui Bajet 2024. Oleh itu, **Pelan Tindakan Pemerksaan RT Progresif akan dilancarkan** sebagai gerak kerja membangun komuniti progresif. Sebanyak **116 RT telah akan diperksakan sebagai Penggerak Komuniti Progresif**. Tujuan utama inisiatif ini adalah bagi **memperksa ekonomi komuniti RT, meningkatkan pendapatan komuniti, dan meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti**.

Selain itu, mesyuarat ini turut membincangkan kepentingan meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. MPPN meluluskan cadangan pelaksanaan **Modul Penghayatan Rukun Negara dan Jelajah Belia Rukun Negara** dengan tema **Menjiwai Rukun Negara** yang akan digerakkan bermula Mac 2024 ini.

Pelaksanaan inisiatif dapat membentuk belia yang beridentiti nasional dengan **semangat jati diri, patriotik, toleransi dan progresif sejajar dengan cita-cita Rukun Negara.**

YAB Pengerusi menekankan bahawa pendekatan melalui “*whole of government approach*” iaitu kerjasama antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio amat diperlukan bagi merealisasikan **matlamat pembangunan Malaysia MADANI** dan perpaduan negara. Beliau juga telah memohon agar KPN meneliti semula Dasar Perpaduan Negara agar mesej-mesej perpaduan dapat diterjemahkan dan disampaikan dengan baik kepada masyarakat.

Dalam mesyuarat ini juga, pada tahun 2023, YB Datuk Aaron turut memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah berjaya menganjurkan sebanyak **661 program di bawah kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah.** Beliau turut menekankan bahawa tahun ini KPN akan mengangkat agenda **memperkasakan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), meremajakan Skim Rondaan Sukarela (SRS), mengangkasa Mediator Komuniti, merakyatkan perpustakaan, memasyarakatkan arkib dan rejuvenasi muzium.**

## **Kementerian Perpaduan Negara**

29 Februari 2024

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), 6. Yayasan Sukarelawan Siswa, 7. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 8. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )